

SOALAN NO: 25

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]

TARIKH : 27 November 2017

**SOALAN : Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan setakat mana
program-program pertanian atau 'agro-
entrepreneur' berjaya menarik minat belia
untuk melibatkan diri dalam bidang itu**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program Agropreneur Muda di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah berjaya menarik dan membangunkan usahawan muda dalam sektor agromakanan.

Sejak dilaksanakan dari tahun 2014 sehingga 15 Oktober 2017, seramai 3,816 usahawan muda telah menerima bantuan melalui program ini dengan jumlah bantuan sebanyak RM 93.7 juta. Pecahan mengikut sektor adalah seperti berikut;

- i. Tanaman – 1437 (RM 31,725,745 juta)
- ii. Ternakan – 893 (RM 25,141,690 juta)
- iii. Perikanan – 364 (RM 13,364,250 juta)
- iv. Industri Asas Tani – 1,122 (RM 23,505,232 juta)

Jika dilihat jumlah permohonan yang diluluskan bagi tahun 2017, sehingga 15 Oktober 2017 jumlah permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 1,784 meningkat berbanding kelulusan keseluruhan bagi tahun 2016 iaitu sebanyak 1,034 dan tahun 2015 sebanyak 1,153. Peningkatan ini menunjukkan minat golongan belia didalam bidang pertanian dan industri asas tani semakin bertambah.

Soalan (26)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****PERTANYAAN**

: LISAN

TARIKH: 27 NOVEMBER 2017
[ISNIN]**DARIPADA**: YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**SOALAN** :-

YB TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah peruntukan telah diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2013, 2014, 2016, dan 2017 untuk membina rumah di Sarawak untuk mereka yang berpendapatan sederhana atau miskin di bawah segala program seperti PR1MA, Rumah Mampu Milik, Rumah kos rendah dan kos sederhana.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makuman Ahli Yang Berhormat,
jumlah peruntukan Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Program Perumahan
Rakyat (PPR) di Negeri Sarawak dalam tahun 2013, 2014, 2016 dan
2017 adalah seperti berikut:

PPR	BIL UNIT	KOS PEMBINAAN (RM)	TARikh MULA
SIAP			
1 PPR Lambir, Miri	505	88,700,000.00	2013
DALAM PEMBINAAN			
1 PPR Sg. Tengah, Kuching	439	74,630,000.00	2014
2 PPR Tabuan Melayu, Kuching,	181	32,950,000.00	2017
3 PPR Petrajaya, Kuching	208	38,100,000.00	2017
4 PPR Landeh, Kuching (lulus 2015)	443	85,000,000.00	2017
DALAM PERANCANGAN			
1 PPR Seduan, Sibu	461	99,330,400.00	2017
JUMLAH KESELURUHAN	2,237	418,710,400.00	